

**JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG
DARUL MAKMUR**

KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor Pembangunan Hutan bertaraf **BUMIPUTERA** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang serta pendaftarannya masih sah pada tarikh lawatan tapak tertakluk kepada kawasan kerja untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja seperti berikut:-

NOMBOR TAWARAN	TAJUK PROJEK	SIJIL KELAYAKAN	TARIKH, MASA DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK
PHN.PHG. 04/2021UH	Menjalankan Kerja-Kerja Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F), Di Kompartmen 7, 9, 25 & 26, Hutan Simpan Tekai Tembeling, Daerah Jerantut seluas ±123.30 hektar.	Kod Bidang 222104/ 222105	07 Januari 2021 (Khamis) Jam 8.30 – 10.30 pagi Berkumpul di Pejabat Pembangunan Hutan Bukit Sekilau. (Bangunan Lama)
PHN.PHG. 05/2021UH	Menjalankan Kerja-Kerja Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F), Di Kompartmen 20, 33, 34, 59 & 60, Hutan Simpan Som, Daerah Jerantut seluas ±79.07 hektar.		

2. Buku Dokumen Sebutharga hanya akan diedarkan secara percuma sewaktu lawatan tapak sepertimana tarikh yang dinyatakan di atas. Kontraktor yang berminat menyertai sebutharga boleh mendapatkan salinan Buku Dokumen Sebutharga dengan membawa **SIJIL PENDAFTARAN (asal)** dari **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM)** semasa lawatan tapak. Wakil kontraktor yang menghadiri lawatan tapak hendaklah membawa **Surat Lantikan Wakil** daripada kontraktor yang asal. **Setiap individu hanya boleh mewakili satu kontraktor sahaja.**
3. Borang Tawaran sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan di penjuru kiri sampul surat tersebut ditulis **NOMBOR TAWARAN SEBUTHARGA**. Sampul surat hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga yang disediakan di Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (Bahagian Pembangunan) Tingkat 5, Kompleks Tun Razak, Bandar Indera Mahkota, 25990, **KUANTAN**.
4. Tarikh tutup bagi sebutharga ini ialah pada **15 Januari 2021 (Jumaat) Jam 12.00 tengahari**. Pihak Jabatan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.

**PENGARAH PERHUTANAN NEGERI,
PAHANG DARUL MAKMUR**

21 Disember 2020